

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10250

SOALAN :

Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam membanteras penyeludupan di kawasan sempadan dan apakah langkah-langkah yang dilakukan bagi menghapuskan kegiatan haram tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat negara ini. Sebagai negara yang menuju ke arah perkhidmatan awam yang kompetitif, satu pendekatan yang holistik telah diambil bagi menangani semua bentuk jenayah rentas sempadan. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan kerjasama strategik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana anggota ATM dan PDRM bekerjasama dalam melaksanakan kawalan dan operasi di sempadan negara Malaysia-Thailand. Kerjasama ATM-PDRM ini telah berjaya dilaksanakan secara sistematik dalam usaha memperkasakan keselamatan dan pertahanan negara.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang telah ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan negara di sempadan darat negara. AKSEM yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu

pasukan petugas dilihat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan, holistik dan bersepadu dalam membendung jenayah rentas sempadan di sempadan Malaysia–Thailand. Sebagai makluman, AKSEM pada tahun 2016 telah berjaya merampas pelbagai barangan dengan nilai keseluruhan RM38.63 juta melalui 19,169 bilangan operasi yang pelbagai.

Bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh AKSEM adalah seperti risikan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya tetap (*static*) dan tidak tetap (*mobile*) serta rondaan di kawasan sempadan Malaysia–Thailand. Semua dapatan yang terhasil daripada operasi yang dilaksanakan seperti tangkapan pesalah dan rampasan barangan yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan akan diserahkan kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan mengikut peruntukan undang-undang serta peraturan yang berkaitan bagi tujuan siasatan lanjut dan pendakwaan.

Akta AKSEM 2017 yang telah diluluskan pada sidang parlimen yang lepas telah membuka ruang kepada AKSEM untuk bergerak lebih maju ke hadapan di dalam mengawal sempadan darat negara. Pada ketika ini, inisiatif telah diambil oleh AKSEM di mana draf *Standard Operating Procedure (SOP)* AKSEM sedang dirangka bagi menyelaraskan operasi penguatkuasaan agensi-agensi yang bertanggungjawab di sempadan darat negara. SOP ini kelak akan menjadi panduan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam usaha menangani jenayah rentas

sempadan. Ini juga merupakan salah satu persediaan untuk AKSEM diperluaskan ke sempadan darat di Sabah dan Sarawak secara berfasa menjelang tahun 2020 dalam usaha meningkatkan kawalan sempadan negara secara keseluruhannya.